

## Orang-orang Arab Diimport British ke Tanah Melayu Untuk Menjadikan Melayu Bencikan Dunia

Dalam majlis upacara sambutan 20 tahun UMNO di Muar, Pemangku Menteri Besar Johor Dato’

Haji Othman bin Haji Mohd Saat, telah membangkit-bangkitkan perkara orang-orang Arab kononnya mereka datang ke Tanah Melayu ini diimport oleh British dengan membawa pengajaran supaya orang-orang Melayu bencikan dunia dan asyik sembahyang sahaja. “Penjajah British telah mengimport orang-orang Arab ke negeri ini sehingga orang-orang Melayu fanatik kepada agama dan sanggup mencium tangan orang-orang Arab itu.” – katanya.

(Oleh Edrus)

“Hasil daripada pengajaran agama Islam oleh orang-orang Arab yang dibawa masuk oleh penjajah Inggeris itu menyebabkan orang-orang Melayu tidak mahu mencari kekayaan sebagaimana disebut di dalam Qur’ān, sebaliknya mereka itu seolah-olah digalakkan supaya mati di atas tikar sembahyang sahaja.”

Seterusnya dikatakan beliau menceritakan bagaimana fanatiknya orang-orang Melayu terhadap orang-orang Arab yang mengajar agama kepada mereka sehingga sanggup mereka untuk mencium tangan orang-orang Arab itu tadi.

“Biasanya tangan orang-orang Arab itu sengahaja ditaruh minyak atar supaya orang-orang Melayu gemar menciumnya” – demikian kata Tuan Haji itu tatkala memburuk-burukkan dengan pukul borong kepada orang-orang Arab yang membawa agama Islam di negeri ini dan menjadikan orang Melayu mengucap *Lā ilaha illā Allāh Muḥammad Rasūlu Allāh*. Mungkin kalau tidak kerana mereka, terus menyembah berhala di gugusan pulau-pulau Melayu ini.

Saya suka mengambil perhatian sedikit kepada Tuan Haji ini, dengan mengambil perkataan Duta Sa’udiyah ‘Arabiyyah, Tuan Sheikh Hussein Fatani yang mengingatkan supaya kita jangan

bergaduh sama sendiri, inilah yang sangat-sangat dikehendaki oleh *imperialist*. Mereka ingin melihat kita bergaduh sama sendiri dan kemudian menonjolkan hidungnya.

Pemangku Menteri Besar Johor ini patut mengetahui bahawa ucapannya itu adalah menyakiti perasaan bukan sahaja orang-orang yang di luar pertubuhan yang ia bersama-sama di dalamnya tetapi menyakiti juga rakan sejawatnya yang banyak dalam UMNO yang berketurunan Arab yang berjuang bersama-sama merebut kemerdekaan hingga hari ini termasuk keluarga Tengku Abdul Rahman sendiri, ipar duainya dan ahli-ahli perjuangan yang mempertahankan muslihat-muslihat Melayu yang cuba diperkotak-katikkan orang.

Mungkin ada seorang berdua orang-orang Arab yang diimport oleh British tetapi tidak semua orang Arab begitu. Banyak di antaranya yang berjuang membanteras segala khurafat-khurafat dengan beraninya untuk mempertahankan kemuliaan Islam dengan memimpin Islam kepada jalan al-Qur’ān dan sunnah dengan tidak melembutkan gigi dari lidahnya atau pun bermuka-muka.

Bukan semua orang Melayu yang

mempercayai khurafat. Kalau dia percaya khurafat tidak dapat disalahkan kepada orang-orang Arab yang membawa agama Islam ke mari kerana adat pusaka orang-orang Melayu yang diterimanya dari Hindu masih mengalir di dalam darahnya yang dicampur gaulnya dengan agama Islam.

Dato’ ini sepatutnya tidak melupakan bahawa yang merebut kemerdekaan dan menghidupkan semangat kemerdekaan di Tanah Melayu berpunca daripada pondok-pondok dan madrasah-madrasah agama serta guru-guru agama yang mendapat didikan daripada orang-orang Arab – bukan daripada kebanyakan orang yang berpelajaran Inggeris yang pada masa itu lebih senang di kerusi lembut membiarkan rakyatnya dijajah. Begitu di sini dan begitu juga di Indonesia – perjuangan mereka dipelopori oleh orang-orang agama yang dididik dan diajar oleh orang-orang Arab. Dato’ Menteri Besar Johor sendiri pun dididik oleh orang Arab dan belajar dengan orang Arab. Pelajaran dari gurunya itu akan menjadi orang derhaka kepada gurunya dan sebagai balasan baik kepada gurunya dengan mengata nista mereka itu?

Kalau di antara anak dengan bapa atau

ibu mencium tangan, murid dengan guru mencium tangan – kalau sudah menjadi teradat kepada sesuatu golongan yang muda mencium tangan yang tua, yang jahil mencium tangan yang alim – kalau ia menjadi adat yang *modern* seperti Turki umpamanya atau di Rom umpamanya, apakah ini menjadi suatu kesalahan – adakah ini menjadi kehinaan – adakah ini menjadi suatu kepaan?! Masih banyak orang-orang Arab yang tidak suka dicium tangannya bahkan setengah-setengah golongan yang hendak mencium tangannya marah kerana tidak mahu menerima penghormatan yang diberi kepadanya – ini pun ada – kerana teradat.

Kalau Dato' Haji Othman tidak suka mencium tangan, orang-orang Arab atau orang-orang alim sekali pun tidak ada orang menegah, mungkin kalau beliau melawat ke kampung-kampung, kalau pandai pula mengeluarkan sepatah dua ayat Qur'ān, berhenti dari berucap ada orang-orang kampung mencium tangannya – salahkah? tidak ada orang yang mahu menegah dan tidak ada orang yang menyuruh.

Dato' Haji Othman menyebut bahawa dengan kerana orang-orang Arab itu, orang-orang Melayu fanatik kepada agamanya. Saya mengatakan sebaliknya *al-hamduli 'Lāh*, orang-orang Melayu fanatik kepada agamanya kerana orang-orang Melayu masih kuat imannya, percaya kepada Allāh. Sesuatu agama kalau penganutnya tidak ada yang fanatik, agama itu tidak akan timbul kerana kita melihat sendiri kerana ketiadaan fanatik agama, hari ini mengadakan perayaan mawlid, besok berjoget, malamnya berdansing, minum arak tidak segan-segan di dalam perayaan-perayaan rasmi, sekali pun undang-undang negara

mengharamkan arak dihidangkan di dalam perayaan-perayaan rasmi. sebabnya kerana ketiadaan fanatik agama. Inikah yang dikehendaki oleh Dato' Haji Othman?

Dato' Haji Othman nampaknya bersusah hati di atas orang yang hendak mati di atas tikar sembahyang sahaja. Agama yang dibawa oleh orang-orang Arab menganjurkan bahawa tiap-tiap seorang Islam di dalam menunaikan ibadatnya hendaklah seolah-olah ia akan mati esok. Tatkala mencari dunia disuruh bekerja seakan-akan hidup selama-lamanya. Orang-orang Arab itu pula mengajar bahawa sembahyang itu tiang agama – jika tidak dikerjakan maka runtuhlah agamanya. Adakah dikehendaki oleh Dato' ini bahawa orang yang hendak mati di atas tikar sembahyang pemuda-pemuda meninggalkan sembahyang dan duduk di kedai-kedai arak, di joget, di tempat dansa dansi dan mati dalam 'aṣi dengan terang-terang – *lā hawla walā quwwata illā billah!* Pengertian yang serupa ini sepatutnya tidak keluar daripada pengertian seorang Islam kerana mengeluarkan sesuatu tuduhan buruk dengan umum seolah-olah tidak berterima kasih kepada golongan yang menyampaikan Islam ke Tanah Melayu yang hingga sekarang golongan-golongan Arab itu masih berusaha membantu perkembangan agama yang dianut bersama oleh mereka dan oleh umat Melayu dan bantuan itu tidak ada faedah diri tetapi semata-mata kerana Allah bukan seperti bantuan *imperialist*.

Hingga hari ini tanda-tandanya boleh dilihat masih banyak sekolah-sekolah agama yang menelurkan ahli-ahli agama sehingga kepada 'alim ulama' bahkan ahli siasahnya yang berasal daripada madrasah-madrasah yang dibina oleh orang-orang Arab. Inikah balasan kepada usaha mereka? Janganlah

dibuat kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Saya telah menulis persoalan ini beberapa kali di dalam majalah ini untuk menunjukkan sesuatu kesalahan jangan mudah ditumpukan kepada sesuatu golongan kerana menimbulkan perasaan melukakan hati orang-orang Arab yang telah bersemenda dengan orang-orang Melayu yang beratus-ratus tahun lamanya – sehidup semati sehingga tidak tinggal nama mereka mengikut nama asalnya – sudah lebur dengan persemendaannya sama ada Malaysia atau pun di Indonesia. Mereka berjuang sehidup semati bersama-sama dengan orang-orang Melayu. Oleh itu mengapa pemimpin sebagai Dato Haji Othman membangkitkan soal yang tidak mesti dibangkitkan yang boleh menimbulkan sakit hati rakan-rakan seperjuangannya dan menimbulkan sakit hati Tengku Abdul Rahman sendiri yang persemendaannya begitu rapat dengan orang-orang Arab.

Sebagai penutup rencana ini, buat sementara suka saya mengambil perkataan Tuan Syed Nasir di dalam suatu forum di Kuala Lumpur tiga empat bulan yang lalu yang berkata:

“Sangat susah menjadi seorang Syed (Arab) kerana apabila masuk di dalam golongan orang-orang Melayu banyak ditimbulkan perkara-perkara yang sepatutnya tidak timbul tetapi apabila orang-orang Melayu diserang oleh orang lain maka orang-orang Syed (Arab) itulah yang pergi ke medan hadapan untuk mempertahankan serangan-serangan yang dihadapkan kepada orang Melayu.”

**Abdullah bin Hamid al-Edrus**

(Edrus Qalam)